# GARIS PANDUAN DAN KRITERIA PENCALONAN

# ANUGERAH PERUNDINGAN

## 1.0 NAMA ANUGERAH

ANUGERAH PERUNDINGAN

## 2.0 LATAR BELAKANG ANUGERAH

Anugerah ini diberikan kepada individu yang telah menunjukkan pencapaian yang cemerlang dalam aktiviti perundingan. Aktiviti perundingan berkenaan hendaklah berjaya diselesaikan dalam tempoh yang telah dipersetujui antara kedua-dua belah pihak. Kepuasan pelanggan turut menjadi salah satu kriteria dalam penilaian pemenang.

## 3.0 KATEGORI ANUGERAH

1. PROJEK / KUMPULAN

## 4.0 KRITERIA/SYARAT - SYARAT PERMOHONAN

Syarat kelayakan bagi pencalonan Anugerah Perundingan **2024** adalah seperti berikut:

4.1 Warga UTM

4.2 Mempunyai projek berdaftar dengan UTSB/UTiM/UTMSPACE/Institut Sultan Iskandar

4.3 Projek hendaklah selesai dalam tahun penilaian (**2024**) beserta laporan lengkap

4.4 Permohonan dihantar melalui dan diperakui oleh Ketua Pegawai Eksekutif UTSB/Pengurus UTiM/Pengarah UTMSPACE/Pengarah Institut Sultan Iskandar

## 5.0 KAEDAH PENILAIAN DAN PEMARKAHAN

Penilaian adalah berdasarkan kriteria utama seperti di **Lampiran 1**

## 6.0 PEMARKAHAN ADALAH BERDASARKAN KRITERIA UTAMA SEPERTI BERIKUT:

1. **Kriteria**

   a. Pemenang = 80 markah (minimum)

   b. Penghargaan = 70 markah (minimum)

2. **Markah** (Rujuk **Lampiran 1** untuk perincian markah)

## 7.0 HADIAH

**A.** **Pemenang** akan menerima hadiah wang tunai sebanyak RM2,000 beserta Trofi dan Sijil

**B.** **Penghargaan** akan menerima Sijil

***LAMPIRAN 1***

## KRITERIA ANUGERAH PERUNDINGAN 2024 – (CITRA KARISMA 2025)

**Syarat-syarat kelayakan:**

i. Projek yang telah **TAMAT** (bermaksud tamat dari segi penghantaran laporan akhir) mengikut jadual dalam masa tahun **2024** beserta **laporan yang lengkap**.

ii. Projek mesti berdaftar dengan UTSB, UTIM, COE/HiCOE, PPMU, Fakulti, UTMSPACE, Makmal Perkhidmatan Fakulti atau Institut Sultan Iskandar.

**Kriteria dan Indeks Pemarkahan:**

| | Kriteria | Indeks | Catatan |
|---|---|---|---|
| A | Nilai Kos Perundingan (30%) | Nilai kos perundingan yang terlibat bagi projek.<br><br>**Dokumen Sokongan**: bukti transaksi penerimaan kos perundingan yang jelas dan sahih serta disahkan/laporan kewangan/rekod pembayaran | • Sekiranya nilai kos Perundingan bersamaan dan melebihi RM 500,000.00 markah penuh 30% akan diberikan.<br>• Jika jumlah nilai kos perundingan adalah sama, tempoh projek yang lebih pendek akan mendapat lebih keutamaan.<br><br>**Markah penuh = 30%**<br><br>• Sekiranya nilai kos Perundingan bersamaan dan melebihi RM 1 juta **BONUS 5%** akan diberikan |
| B | Kepelbagaian Disiplin (10%) | Memenuhi kehendak syarat permohonan dan dilampirkan dengan bukti yang jelas dan sahih serta disahkan. **Tiga bidang** yang pelbagai akan menerima markah penuh.<br><br>Kepelbagaian Disiplin/Fakulti/RA/COE<br>- Dua (5%)<br>Kepelbagaian Universiti/Industri<br>- Dua (5%) | • Kepakaran dan hasil produk/ produk akhir projek membuktikan **pelbagai disiplin** telah diaplikasikan.<br><br>**Markah penuh = 10%** |
| C | Sumbangan Pembangunan Profesionalisme (5%) | Sekurang-kurangnya seorang staf di bawah seliaan untuk pembangunan profesionalisme.<br><br>Lima orang yang terlibat dalam perlaksanaan projek (Staf/Perunding UTM/RO) beserta bukti penglibatan. | • Staf /Perunding UTM/Pegawai Penyelidik yang terlibat dalam projek<br><br>**Markah penuh = 5%** |

| | | | |
|---|---|---|---|
| D | Sumbangan Pengajaran & Keilmuan (5%) | Memenuhi syarat permohonan dan melampirkan bukti yang jelas dan sahih serta diakui serta disahkan.<br><br>**Dokumen Sokongan**: Tesis/kertas penerbitan/ penerbitan buku/polisi/ jurnal | ● Projek menjadi bahan rujukan pelajar-pelajar dan telah mengaplikasikannya dalam bentuk praktikal (Maksimum 3%)<br>● Penghasilan bahan keilmuan: Kebangsaan (3%) Negeri (2%) Daerah / Universiti (1%)<br><br>**Markah penuh = 5%** |
| E | Imej dan Reputasi (10%) | Memenuhi syarat permohonan dan melampirkan bukti yang jelas dan sahih serta diakui serta disahkan. | ● Pada tahap antarabangsa/MNC/ Agensi (10%) atau dalam negara (5%)<br><br>**Markah penuh = 10%** |
| F | Pengiktirafan Pelanggan (10%) | Memenuhi syarat permohonan dan dilampirkan dengan bukti yang jelas dan sahih serta diakui serta disahkan.<br><br>**Dokumen Sokongan**: Sijil anugerah/ surat penghargaan/surat tawaran atau terimaan projek baru dan lain-lain | ● Pengiktirafan keyakinan klien dengan pemberian projek baru atau *repeat order pada tahun dinilai* **(Markah = 8%)**<br>● Surat pengiktirafan/penghargaan pelanggan (**Markah = 2%)**<br><br>**Markah penuh = 10%** |
| G | Kualiti Perlaksanaan (10%) | Memenuhi syarat di mana projek perlu tamat mengikut kontrak/perjanjian berdasarkan masa dan peruntukan kewangan yang telah dipersetujui.<br><br>**Dokumen Sokongan**: kontrak perundingan/laporan projek | ● Ketepatan tempoh masa projek<br>● Projek siap awal dari tempoh masa diberikan<br><br>**Markah penuh = 10%** |
| H | Impak (20%) | Impak positif yang dihasilkan oleh projek perundingan tersebut terhadap organisasi, industri, atau komuniti.<br><br>Dokumen Sokongan: MOU/MOA/salinan liputan berita/bukti penghasilan peluang pekerjaan dan lain-lain<br><br>*Penilaian impak merangkumi penilaian dokumentasi dan penghantaran video (maksimum 5 minit): templat berdasarkan kriteria. Pemohon yang disenarai pendek akan dipanggil untuk sesi temuduga/soal jawab | ● Kolaborasi (MOU/MOA) = 4%<br>● Liputan berita = 4%<br>● SDG = 4%<br>● Menghasilkan peluang pekerjaan (contoh melantik RA)/ menyumbang kepada ekonomi negara melalui penjualan kasar atau peningkatan aliran tunai = 4%<br>● Sumbangan kepada komuniti atau industri/pembangunan modal insan = 4%<br><br>**Markah penuh = 20%** |
| | **Jumlah markah keseluruhan** | | **100% + (BONUS = 7%)** |